

BERITA HARIAN

DATE: 01 / 02 / 2008

# Belia perlu bercita-cita jadi terbaik: Abdullah

BH - 1/2/2008

## Generasi muda digesa manfaat usia untuk kebaikan diri, negara

Oleh Azman Zakaria

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu setiap belia di negara ini menanam cita-cita tinggi untuk muncul sebagai yang terbaik dalam setiap bidang yang diceburi bukan saja dalam negara, malahan pada peringkat antarabangsa.

Perdana Menteri turut mengingatkan belia supaya menggunakan tenaga serta usia muda untuk kebaikan diri dan negara dengan melakukan kerja bermanfaat serta menyertai pelbagai peluang dan program yang disediakan kerajaan bagi menambah nilai kepada ilmu dan kebolehan masing-masing.

"Jika tidak rugi diri sendiri. Ingatlah tuan-tuan jadi belia hanya sekali seumur hidup... gunakan tenaga dan usia muda untuk kebaikan diri dan negara. Malaysia adalah negara yang baik untuk golongan belia," katanya berucap pada majlis Anugerah Belia Negara 2007 di Stadium Putra, Bukit Jalil di sini semalam, yang dihadiri kira-kira 15,000 belia dari seluruh negara.

Beliau menyampaikan anugerah

Tokoh Belia Lelaki kepada Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Datuk Shamsul Anuar Nasarah dan Tokoh Belia Wanita kepada Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Tiang, Pendang, Kedah, Suraya Yaacob serta sembilan lagi yang memenangi kategori kepemimpinan, keusahawan, wira tani, kesukarelaan, daya juang Malaysia Boleh dan kategori khas.

Hadir sama isterinya, Datin Seri Jeanne Abdullah; Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Azalina Othman Said; Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar; Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam dan

**“**Kita bukan setakat nak jadi jaguh kampung, jaguh wilayah, negeri, tetapi nasional seterusnya jaguh antarabangsa”

Abdullah Ahmad Badawi  
Perdana Menteri

Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shaidan Kassim.

Dalam apa juga yang dilaksanakan atau disertai, Perdana Menteri berkata, belia mesti berazam mengatasi cabaran dan bersemangat tinggi untuk mencapai cita-cita serta menanam nilai kepada kejayaan yang diperoleh.

"Kita bukan setakat nak jadi jaguh kampung, jaguh wilayah, negeri, tetapi nasional seterusnya jaguh antarabangsa. Inilah yang perlu jadi cita-cita kita," katanya dalam ucapan penuh bersemangat yang kerap kali disahut dengan laungan 'Caya Pak Lah' oleh hadirin.

Abdullah berkata, ketika melangkah masuk ke stadium itu, beliau berasakan seolah-olah ada satu tenaga dalam stadium itu yang datangnya daripada semangat belia itu.

"Jika belia sihat, ceria, bercita-cita tinggi dan bersemangat dan ditokok dengan ilmu pengetahuan serta pekerti mulia, saya yakin kita boleh letakkan keyakinan belia sebagai generasi pewaris untuk memajukan negara ke peringkat lebih hebat," katanya.

Justeru, katanya, kerajaan mela-

kukan pelbagai usaha untuk memperkasakan belia dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran, termasuk dalam bidang baru seperti elektronik, kejuruteraan petroleum serta teknologi dan maklumat (ICT) untuk belia menjadi modal insan berkualiti.

Katanya, peluang yang diwujudkan itu adalah untuk menjadikan mereka pemimpin dan pakar dalam pelbagai bidang.

Dalam bidang sukan umpamanya, kata beliau, kejayaan cemerlang atlet negara pada temasya Sukan Sea di Korat, Thailand tahun lalu membuktikan atlet Malaysia boleh menjadi juara dan memenangi banyak pingat emas.

"Kita mahu mereka menjadi juara dalam sukan dalam dan luar negara hingga ke peringkat dunia. Begitu juga jika jadi ahli muzik, penyanyi, penggubah lagu atau pelakon... jadilah yang terbaik," katanya.

Perdana Menteri juga mahu belia memperkasakan rasa kasih sayang dan persaudaraan sesama mereka tanpa mengira kaum serta memberi sumbangan untuk mengharumkan nama negara dan bersama-sama menikmati kemajuan.